

NO. SIRI : .....



**JABATAN KERJA RAYA  
PERAK DARUL RIDZUAN**

**SEBUT HARGA MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM KEPADA  
ANGGOTA JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK  
DARUL RIDZUAN BAGI TAHUN 2025**

**NO. SEBUTHARGA :  
PKR.PK. (S) 400-10/2- 1/2025**

**PENYEBUT HARGA DIKEHENDAKI MEMBACA DAN  
MEMAHAMI KESELURUHAN BUTIR-BUTIR YANG TERKANDUNG  
DI DALAM DOKUMEN SEBUT HARGA INI SEBELUM MENGISINYA.  
PENYEBUT HARGA YANG MEMBUAT KESILAPAN DAN TIDAK  
MEMATUHI MANA-MANA FASAL DI DALAM DOKUMEN INI  
AKAN MENYEBABKAN SEBUT HARGA INI  
TIDAK DIPERTIMBANGKAN.**

**JAUHI DARIPADA AMALAN RASUAH**

## KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	
1.	Kenyataan Tawaran Sebut Harga	
2.	Arahan Kepada Penyebut Harga	
3.	Spesifikasi Umum	
4.	Jadual Spesifikasi Teknikal dan Harga	
5.	Borang Sebutharga	
6.	Lampiran Q	
7.	Syarat-Syarat Am	
8.	Senarai Pengalaman	
9.	Surat Akuan Pembida	
10.	Senarai Semak Penghantaran Dokumen	



## JABATAN KERJA RAYA PERAK KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa dikalangan pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang berkaitan untuk menyertai sebut harga seperti berikut :-

NO. SEBUTHARGA	TAJUK	KOD BIDANG BEKALAN
PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025	MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM ANGGOTA DI IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN	020801 ATAU 020899 ATAU 222401

2. Pembekal yang berminat untuk turut serta dalam tawaran sebut harga ini boleh mendapatkan dokumen sebut harga di Bahagian Pentadbiran di Aras 5, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Perak Darul Ridzuan, Ipoh dalam waktu pejabat dan dokumen sebut harga ini boleh dimuat turun pada [www.jkrperak.gov.my](http://www.jkrperak.gov.my).


3. Borang sebutharga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis dengan perkataan "**Sebut Harga PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025**" disudut kiri dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga ke pada alamat berikut:

**Pengarah  
Jabatan Kerja Raya Perak  
Aras 5, Bahagian Pentadbiran  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 IPOH**

Dokumen sebut harga hendaklah dikemukakan pada atau sebelum **10 Mac 2025 (Isnin),  
jam 12.00 tengahari.**

4. Ahli Jawatankuasa Sebut Harga Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Ipoh tidak terikat kepada sebut harga yang terendah dan keputusan Ahli Jawatankuasa adalah muktamad.

5. Sebut harga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan dan sebarang kesilapan dalam pengisian borang tidak akan dilayan.

  
(Ir. FARRIS BIN JAMAEUDIN)  
Timbalan Pengarah Kerja Raya  
Perak Darul Ridzuan.  
Tarikh : 28. 2. 2025

## ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

### 1. HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

- (a). Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu sebut harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut harga adalah muktamad.

### 2. DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen sebut harga boleh diperolehi pada waktu pejabat di alamat:-

Jabatan Kerja Raya Negeri Perak  
Aras 5, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
30000 IPOH.

### 3. CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 3.1. Sebut harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil Dokumen Sebut harga. Dokumen Sebut harga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:
- (a). Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut harga
  - (b). Senarai Kerja Dalam Tangan
  - (c). Jadual Kadar Harga (jika ada)
  - (d). Butir-butir Spesifikasi (jika ada)
- 3.2. Penyebut harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang sebut harga. Penyebut harga tidak dibenarkan mengguna borang sebut harga yang difotostat. Jabatan Kerja Raya Negeri Perak berhak menolak sebut harga yang dibuat atas dokumen yang difotostat.
- 3.3. Borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah seboleh-bolehnya ditaip. Jika ditulis tangan, tulisan hendaklah jelas dan boleh dibaca.
- 3.4. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.


### 4. PENYERAHAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 4.1. Borang-borang yang perlu dikembalikan dan dokumen-dokumen yang perlu disertakan seperti berikut:-
- 4.1.1. **Naskah asal dokumen sebut harga.** Borang sebut harga yang terdapat dalam dokumen sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap mengandungi nilai tawaran, tempoh siap, ditandatangani dan diturunkan cop rasmi syarikat.

No. Sebutharga

PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025

- 4.1.2. **Salinan sah Sijil Kementerian Kewangan Malaysia** yang belum tamat tempohnya.
- 4.1.3. **Borang Sebut Harga** yang telah diisi dengan lengkap mengandungi nilai tawaran, tempoh siap ditandatangani.
- 4.1.4. **Salinan Penyata Akaun Bank** bagi tiga (3) bulan terakhir (bulan November 2024, Disember 2024 dan Januari 2025 ).
- 4.1.5. **Senarai Semakan** dokumen sebut harga.
- 4.1.6. Mohon **rujuk Katalog Kain di Bahagian Pentadbiran dan kemukakan contoh kain.**
- 4.2. Dokumen sebut harga yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri dan ditanda pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat itu dengan butir-butir berikut :-
- Kod sebutharga : PKR.PK.400-10/2/(S) – 1/2025
- Tajuk Sebutharga : Membekal Pakaian Seragam Anggota Di Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan
- Dan Dialamatkan : Jabatan Kerja Raya Negeri Perak  
Aras 5, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab  
**30000 IPOH.**
- 4.3. Penyebut harga yang tidak mengemukakan dokumen seperti di para 4.1 **akan ditolak.**
- 4.4. Sebut harga yang dihantar dengan tangan hendaklah dimasukkan sendiri oleh penyebut harga ke dalam Peti Sebut harga yang disediakan di **Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Aras 5 Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh** pada waktu pejabat tidak lewat daripada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. **Sebut harga yang lewat tidak akan diterima.**
- 4.5. Jabatan Kerja Raya Negeri Perak tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan dokumen-dokumen sebutharga yang dihantar :
- i. Hantar Sendiri Dengan Tangan  
Memasukkan dokumen sebutharga dalam peti sebutharga yang salah.
- ii. Melalui Pos/Agen Penghantaran  
Hilang semasa dalam perjalanan pos atau penghantaran.
- 4.6. Penyebut harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan sebutharga yang disertainya.

  
(An FARRID BIN JAMALUDIN)  
Timbalan Pengarah Kerja Raya  
Perak Darul Ridzuan.

## SPESIFIKASI UMUM

### 1. TUJUAN

Tujuan spesifikasi ini adalah untuk memberi penerangan kepada penyebut harga mengenai sebut harga bagi membekal dan menjahit siap pakaian seragam kepada anggota di ibu pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan.

### 2. SKOP PERKHIDMATAN

Membekal dan menjahit pakaian seragam kepada anggota Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan.

### 3. DEFINASI KERJA

#### 3.1 Membekal

Membekal dan menjahit siap pakaian seragam kepada anggota Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan.

#### 3.2. Menjahit

Menyediakan perkhidmatan jahitan bagi pakaian seragam siap untuk diagihkan kepada anggota Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Darul Ridzuan.

4. Penyebut harga hendaklah memastikan bekalan dan perkhidmatan pakaian adalah sempurna dan menepati aras perkhidmatan yang ditetapkan. Penyebut harga akan dikenakan 'penalti' sekiranya aras perkhidmatan yang dijanjikan tidak tercapai.

**JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL DAN HARGA PENYEDIAAN PAKAIAN SERAGAM  
ANGGOTA DI IBU PEJABAT, JKR NEGERI PERAK**

BIL	JAWATAN	SPEKIFIKASI PAKAIAN SERAGAM / JENIS BAJU / SELUAR / KAIN	BTL ANGGOTA	JUMLAH HELAIAN SEORANG	HARGA SEORANG (RM)	JUMLAH (RM)	CONTOH KAIN
1.	PEMBANTU KEMAHIRAN	1. Kemeja Korporat beserta logo & nama 2. Baju Kerja / bengkel (beserta logo) 3. Seluar panjang (cargo pant / seluar bengkel) 4. Seluar panjang (slek / kerja)	5 orang	1 helai 2 helai 2 helai 1 helai			Sila rujuk lampiran spesifikasi dan kemukakan contoh kain dan gunakan lampiran lain sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.
2.	PEMBANTU OPERASI	1. Kemeja Korporat beserta logo & nama 2. Seluar panjang (slek / kerja)	13 orang	3 helai 3 helai			Sila rujuk lampiran spesifikasi dan kemukakan contoh kain dan gunakan lampiran lain sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.
3.	PEMANDU KENDERAAN	1. Kemeja Korporat beserta logo & nama 2. Seluar panjang (slek / kerja)	18 orang	3 helai 3 helai			Sila rujuk lampiran spesifikasi dan kemukakan contoh kain dan gunakan lampiran lain sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.
4.	PEMBANTU AWAM	1. Kemeja Korporat beserta nama & logo 2. T-Shirt Berkola (beserta logo) 3. Seluar panjang (slek / kerja)	13 orang	1 helai 2 helai 3 helai			Sila rujuk lampiran spesifikasi dan kemukakan contoh kain dan gunakan lampiran lain sekiranya ruangan ini tidak mencukupi.
(Sila Masukkan Harga Keseluruhan Ke Dalam Borang Lampiran Q)					<b>JUMLAH</b>		

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025

**BORANG SEBUT HARGA**

Saya yang bertandatangan di bawah adalah dengan ini menawarkan untuk Membekal Pakaian Seragam Anggota Di Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak dengan jumlah harga sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia : .....)

2. Saya bersetuju menyiapkan kerja-kerja ini dalam tempoh ..... minggu dari tarikh Pesanan Kerajaan (LO).

.....  
Tandatangan Pembekal

Nama Penuh : .....  
 No. K/P : .....  
 Syarikat : .....  
 Alamat : .....  
 No. Telefon Pejabat : .....  
 No. HP : .....

.....  
Tandatangan Saksi

Nama Penuh : .....  
 No. K/P : .....  
 Alamat : .....  
 : .....

.....  
Meterai atau Cop Pembekal

Tarikh : .....

Tarikh : .....



**LAMPIRAN Q  
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan  
nombor ini

No. Sebut Harga
<b>PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025</b>

**KERAJAAN MALAYSIA  
NEGERI PERAK**

**SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN**

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada : .....

.....

.....

.....

.....

Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh:

**Pengarah Kerja Raya  
Jabatan Kerja Raya  
Perak Darul Ridzuan.**

No. Telefon : .....

**No. Telefon : 05-2534041**

No. Pendaftaran Kewangan : .....

No. Pendaftaran Taraf Bumiputra : .....

Kod Bidang Pendaftaran : **020801 / 020899 / 222401**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dan lampiran-lampiran yang disertakan.
  - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan **menggunakan mengikut spesifikasi di Lampiran.**
  - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **selewat-lewatnya sebelum atau pada 30 April 2025**
  - 1.3. Alamat pengiriman **Jabatan Kerja Raya Negeri Perak, Aras 5, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh.**
  - 1.4. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga **PKR.PK.400-10/2/(S) – 1/2025.**
  - 1.5. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat **jam 12.00 tengah hari pada 10 Mac 2025 (Isnin)** .
  - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **Sembilan Puluh (90) hari** selepas tarikh tutup.

Tarikh : **28.2.2025**

Tandatangan : .....

Nama Pegawai : **Ganesh Babu Devar a/l Kuppan**

Jawatan : **Ketua Penolong Pengarah  
(Pentadbiran & Kewangan)  
Jabatan Kerja Raya Negeri Perak**

No. Sebut Harga
PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025

Bil.	Perihal Bekalan / Perkhidmatan dan Syarat-syarat Khas	Unit Ukuran	Kuantiti / Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk Diisi Oleh Jabatan				Untuk Diisi Oleh Penyebutharga	
1.	Membekal Pakaian Seragam Kepada Anggota di Ibu Pejabat, Jabatan Kerja Raya Negeri Perak Tahun 2025.				
		<b>Lengkapkan Jadual Spesifikasi Teknikal dan Harga Penyediaan</b>			
2.	Tarikh Penyerahan/Penyempurnaan ditawarkan : .....				
3.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sila sertakan sesalinan Sijil Kementerian Kewangan</li> <li>Salinan Penyata Akaun Bank (3 bulan terakhir bulan (November 2024, Disember 2024 dan Januari 2025)</li> </ul>				
			<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		

- (i). Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii). Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah .....

Saya / Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan / perkhidmatan di atas dengan harga RM ..... dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat yang berkepil.

Tandatangan  
 Penyebut Harga : .....  
 Nama dan K/P : .....  
 Tarikh : .....  
 Alamat Syarikat : .....  
 : .....  
 Cop : .....

**Mustahak - Lihat syarat-syarat am dibelakang (untuk bekalan sahaja)**

## SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

1. **KEADAAN BARANG**

Semua barang yang dibekalkan hendaklah tulen, baru dan belum digunakan.

2. **HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

3. **SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.

4. **BARANG SETARA**

Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. **PERSETUJUAN**

- (i) Kerajaan tidak terikat untuk setuju terima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga; dan
- (ii) Setiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebut harga yang berasingan.

6. **PEMERIKSAAN**

- (i) Kerajaan sentiasa berhak melantik seseorang pegawai untuk memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut; dan
- (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. **PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI**

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang (perkhidmatan) yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**

- (i) Barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada bekalan yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak;
- (ii) Apabila diminta, penyebut harga hendaklah menyebabkan barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai bekalan yang ditolak itu; dan
- (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan ganti rugi kerana kegagalan memenuhi obligasi kontrak.

9. **PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

10. **TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. **INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.

**BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG  
KELUARAN MALAYSIA**

12. **CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. **PENGENALAN**

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

15. **CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

16. **MATA WANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

17. **PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.



No. Siri. \_\_\_\_\_

No. Sebutharga : **PKR.PK.(S) 400-10/2 - 1/2025**

**SENARAI PERKHIDMATAN YANG SEDANG DAN TELAH DILAKSANAKAN**

BIL.	NAMA DAN ALAMAT PENUH INSTITUSI	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK		NAMA & TELEFON PEGAWAI JABATAN YANG BERTANGGUNGJAWAN
			MULA	TAMAT	

**Nota:** Penyebut harga perlu menyertakan surat tawaran kontrak daripada jabatan berkenaan sebagai pengesahan kepada sokongan kepada sebuttharga ini.

No. Sebut Harga
<b>PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025</b>

**SURAT AKUAN PEMBIDA**  
**Bagi**  
**NO. SEBUT HARGA : PKR.PK.(S)400-10/2 – 1/2025**  
**SEBUT HARGA MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM**  
**ANGGOTA DI IBU PEJABAT, JABATAN KERJA RAYA**  
**NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN**

Saya ..... No. K/P ..... yang mewakili syarikat ..... No. Pendaftaran ..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Kerja Raya Negeri Perak atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga \*seperti di atas. Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Jabatan Kerja Raya Negeri Perak atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga \*seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan berikut diambil :-

- 2.1. Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga \*seperti di atas; atau
- 2.2. Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga \*seperti di atas; dan
- 2.3. Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga \*seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis berhampiran.

Yang Benar,

.....  
( )

Cop Syarikat :

Catatan :

- (i) \*Potong mana yang tidak berkenaan.
- (ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa.

## SENARAI SEMAK

Sila tandakan  bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL.	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1.	Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan Malaysia	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Borang sebut harga yang telah diisi dengan lengkap mengandungi nilai tawaran, tempoh siap dan ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi bulan :- November 2024  Disember 2024  Januari 2025	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
4.	Senarai pengalaman kerja telah dan sedang dilaksanakan serta surat tawaran kontrak dari institusi berkenaan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	Jadual spesifikasi teknikal dan harga dilengkapkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	Lampiran Q diisi dan dihargakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	Surat Akuan Pembida diisi dan dilengkapkan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	Rujuk katalog kain di Lampiran	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9.	Kemukakan contoh kain	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

<p><b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b></p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>	<p><b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/JABATAN</b></p> <p>Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda <input checked="" type="checkbox"/> kecuali bagi perkara bil. .... (jika ada)</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p> <p>Tandatangan : Nama : Jawatan : Tarikh :</p>
---	--